



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**

Insurans perjalanan satu kewajipan

Menurut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, seramai 44.5 juta rakyat Malaysia berkunjung ke luar negara pada tahun 2017 dan trend ini dijangka meningkat saban tahun. Kajian trend perjalanan rakyat Malaysia oleh sebuah syarikat insurans am tempatan melaporkan bahawa 34.6 peratus sahaja pengguna membeli insurans perjalanan ketika melancong ke luar negara atau melawat lokasi yang terdedah dengan risiko. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa rakyat kita mempunyai kesedaran yang rendah dan mengambil mudah soal perlindungan diri dan keluarga ketika berkunjung ke luar negara. Sebenarnya mereka terdedah dengan pelbagai risiko yang tidak boleh dijangkakan.



Sesiapa yang pernah ke luar negara pasti ada pengalaman suka dan duka.

Kita sendiri mungkin pernah berhadapan dengan situasi atau mendengar kisah rakan yang jatuh sakit atau kemalangan semasa berada di luar negara. Ada yang mendapat rawatan di hospital dan terpaksa membiayai kos perubatan yang mahal. Malah, ada kes tertentu yang melibatkan kematian dan perlu menanggung kos pengurusan jenazah yang tinggi.

Pengalaman dan situasi sebegini pastinya dapat dilalui dengan tenang sekiranya kita mempunyai persiapan dan perancangan yang rapi berkaitan keperluan perlindungan diri dan keluarga ketika melancong.

Risiko dan kos yang ditanggung dapat mengurangkan beban sekiranya anda mempunyai insurans atau takaful perjalanan. Ramai rakyat Malaysia yang mengambil mudah berkaitan keperluan ini dan merasakan ia satu pembaziran kerana mereka tidak memperoleh apa-apa ganjaran sekiranya tidak berlaku sebarang musibah seperti kelewatan penerbangan, kehilangan bagasi, kecederaan, kemalangan dan kematian.

Biasanya, insurans atau takaful perjalanan adalah terhad pada waktu dan tempoh masa perjalanan seseorang. Terdapat pelbagai syarikat yang menawarkan perkhidmatan insurans dan takaful perjalanan dengan pelbagai jenis perlindungan serta manfaat. Umumnya, perlindungan yang diberikan meliputi kelewatan bagasi dan perjalanan, kehilangan barangan peribadi dan dokumen serta kes kemalangan dan kematian yang meliputi penghantaran jenazah. Manfaat yang ditawarkan berbeza dan bergantung pada pelan perlindungan serta syarikat yang disertai. Umumnya manfaat ditawarkan terbahagi kepada dua jenis iaitu manfaat perjalanan dan kemalangan. Berikut merupakan beberapa jenis perlindungan serta manfaat yang biasanya disediakan oleh pakej insurans atau takaful perjalanan:

- Pembatalan dan penangguhan perjalanan - manfaat ganti rugi kewangan terhadap pembatalan atau penangguhan perjalanan (penerbangan).
- Kehilangan barangan atau kecurian - manfaat ganti rugi kewangan terhadap kehilangan bagasi, barang milik peribadi dan dokumen peribadi
- Kemalangan peribadi dan kos perubatan – manfaat ganti rugi kewangan terhadap kemalangan, kecederaan parah, kehilangan keupayaan, kematian sewaktu berada di luar negara, penghantaran perubatan dan pendapatan hospital.
- Pengurusan Jenazah - manfaat kewangan berkaitan kos pengurusan jenazah (termasuk elau pengebumian) termasuk bayaran pengangkutan.
- Lain-lain – misalnya wang peribadi, rampasan barang, penjagaan rumah, bencana alam di destinasi, sewa kereta, hotel haiwan kesayangan, penjagaan kanak-kanak, lawatan belas kasihan, liabiliti peribadi dan tabung pendidikan anak.

Harga yang dibayar untuk membeli polisi insurans perjalanan dikira berdasarkan faktor umur, tempoh dan tempat perjalanan. Dalam membuat pertimbangan untuk mendapatkan keperluan perlindungan ini, pengguna perlu faham setiap tawaran perlindungan adalah berbeza mengikut polisi syarikat, syarat tuntutan, rangkaian perkhidmatan yang luas terutama di luar negara dan menawarkan khidmat talian kecemasan 24 jam.

PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI
 Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra
 Malaysia dan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan
 Kewangan Malaysia